



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Unit Media

Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tel : 03-2617 9812
akhbar@dbkl.gov.my

Faks : 03-2694 1373

E-mel :

()dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001 – 2

KENYATAAN MEDIA

BAJET DBKL 2020

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan **belanjawan seimbang** untuk tahun 2020 yang bertemakan “**Bandar Raya Ceria, Kemakmuran Bersama**”. Bajet DBKL 2020 ini dirancang dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM2.972 bilion** di mana **RM1.826 bilion (61.5%)** adalah untuk Peruntukan Mengurus dan **RM1.146 bilion (38.5%)** untuk Peruntukan Pembangunan.
2. Peruntukan mengurus terbahagi kepada lima komponen utama iaitu Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak **RM1.142 bilion (62.5%)**, Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja sebanyak **RM504.8 juta (27.6%)**, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak **RM103.2 juta (5.7%)**, Bayaran Lebih Masa sebanyak **RM67.4 juta (3.7%)** dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain sebanyak **RM9.5 juta (0.5%)**.
3. Peruntukan Pembangunan pula terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM696.5 juta (60.8%)** manakala pembiayaan kerajaan dan lain-lain sebanyak **RM449 juta (39.2%)**.
4. Hasil DBKL pada tahun 2020 dianggarkan sebanyak **RM2.523 bilion**, iaitu peningkatan sebanyak **2.3%** berbanding **RM2.466 bilion** pada tahun 2019. Hasil utama DBKL adalah daripada hasil cukai taksiran berjumlah **RM1.24 bilion** yang menyumbang sebanyak **49.1%** daripada hasil keseluruhan DBKL.
5. DBKL sedang dan akan melaksanakan beberapa inisiatif untuk kesejahteraan dan kemakmuran warga kota. Bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di seluruh Kuala Lumpur, DBKL akan bekerjasama dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) dalam kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan menggunakan “Rubberised Bitumen” dengan penggunaan teknologi Cuplump Modified Asphalt (CMA). Projek ini akan dimulakan terlebih dahulu

- di laluan keluar masuk ke Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen dan jalan-jalan sekitarnya.
6. DBKL juga memperuntukkan sebanyak **RM661 juta** yang meliputi **73** buah projek jalan, saluran, cerun dan longkang. Projek-projek ini sebahagian besarnya adalah untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Kuala Lumpur.
 7. Di samping itu, DBKL dalam perancangan untuk melaksanakan projek Cadangan Membangunkan Sistem Aplikasi Utiliti Kuala Lumpur. Projek ini merupakan projek pembangunan sistem aplikasi utiliti Kuala Lumpur dengan pelaksanaan kerja-kerja pengesanan dan pemetaan utiliti jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur agar kerja-kerja pengorekan tanah dapat dilakukan dengan lebih baik dan proaktif.
 8. DBKL telah memperuntukkan **RM20 juta** bagi pengurusan perkhidmatan bas percuma GoKL. DBKL telah membiayai perkhidmatan ini bermula tahun 2019 dimana telah mengambil alih **4** laluan sedia ada perkhidmatan *first-mile* dan berjaya memperkenalkan **3** laluan perkhidmatan *first-mile*. Pada tahun 2020, DBKL mempunyai perancangan untuk menambah **2** lagi laluan perkhidmatan *first-mile*.
 9. Bagi meningkatkan keselamatan warga kota dan kecekapan pengurusan lalu lintas, sebanyak **RM26.5 juta** telah diperuntukkan untuk program sewaan peralatan *Integrated Transport Information System* (ITIS) yang melibatkan penggunaan CCTV dan VMS. Sebanyak **309** buah CCTV digunakan untuk pemantauan jenayah dan dikhususkan untuk penggunaan pihak PDRM manakala **691** buah CCTV pula untuk pemantauan trafik.
 10. Bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan lalu lintas, DBKL telah menjadikan Jalan Kinabalu menghala ke Cheras sebagai laluan *free-flow* iaitu laluan tanpa kawalan oleh lampu isyarat di persimpangan Jalan Kinabalu/Jalan Maharajalela (Bulatan Merdeka).
 11. Dalam aspek kemudahan rekreasi, projek naiktaraf Taman Tasik Titiwangsa telah disiapkan dan akan dibuka semula sepenuhnya pada **15 Disember 2019** dengan berwajah baru. Di samping itu, peruntukan sebanyak **RM10 juta** juga disediakan bagi meningkatkan percahayaan pada waktu malam di taman-taman awam sekitar Kuala Lumpur menggunakan lampu LED.

12. Bertepatan dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, DBKL telah memperuntukkan sebanyak **RM7.5 juta** untuk membaikpulih dan menaiktaraf bangunan-bangunan warisan di Bangunan Sultan Abdul Samad dan Panggung Bandaraya.
13. Seperti yang telah diwar-warkan sebelum ini, Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia 2020 (*World Book Capital City*) dengan slogan '**KL Baca – Caring Through Reading**' oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO). Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang sepanjang tahun 2020 seperti mengadakan festival KLBBC2020, mewujudkan *booklane* di lorong-lorong terpilih, menjadikan *Heritage Trail* di sekitar Kuala Lumpur sebagai salah satu lokasi yang menyokong KLBBC2020 dan sebagainya.
14. Bagi meraikan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 tersebut, Perpustakaan Kuala Lumpur yang terletak di Dataran Merdeka telah dibuka semula kepada warga kota mulai **4 November 2019**. Di samping itu, **4** buah perpustakaan rangkaian akan siap sepenuhnya pada tahun 2020 iaitu Pustaka KL@Pudu Ulu, Pustaka KL@Masjid Al-Rahimiah, Pustaka KL@PPR Sri Semarak dan Pustaka KL@PPR Sri Kelantan.
15. Dalam memenuhi keperluan penduduk di ibu kota, DBKL telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM65 juta** untuk projek Perumahan Awam *Council Home* di Kg. Sg. Udang yang dijangka bakal disiapkan pada akhir tahun **2021**. Selain itu, Projek Perumahan Bandar (*Micro Housing*) ini yang boleh memuatkan **311** orang penghuni telah mula dibuka pendaftaran kepada warga kota bermula pada **20 Ogos 2019** yang lalu.
16. Bagi meningkatkan ekonomi penjaja di Kuala Lumpur, DBKL sedang meneruskan projek pembangunan semula Pasar Raja Bot dengan kos keseluruhan berjumlah **RM142.8 juta** dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022. Di samping itu, kawasan sekitar Wisma Yakin sedang dibaikpulih untuk dijadikan laluan dan plaza menerusi Projek *River of Life* (ROL). Pengindahan kawasan ini adalah untuk memastikan nilai komersial kawasan tersebut berada di tahap yang tinggi.
17. Dalam aspek persekitaran yang bersih dan selesa, Program Blueprint Penarafan Kebersihan WPKL (BPK) yang telah bermula pada Julai 2015 akan diteruskan lagi bagi tahun 2020-2024 dengan *tagline* "**Jom Bersih dan Indahkan KL**".

18. Bagi memastikan pembangunan di Kuala Lumpur dapat dilaksanakan secara komprehensif, DBKL telah mewartakan Pelan Tempatan Kuala Lumpur pertama yang dikenali sebagai **Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020**. Dalam tempoh sama, DBKL juga sedang menyediakan kajian **Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040** dan perancangan **Pelan Strategik DBKL 2021 – 2040**.
19. DBKL prihatin dengan kualiti hidup penduduk warga KL dan sentiasa terbuka mendengar cadangan daripada penduduk untuk meningkatkan persekitaran hidup mereka. Penduduk daripada Kampung Baru Cina Salak Selatan melalui inisiatif bersama dengan pihak swasta, NGO dan badan profesional telah mengemukakan pelan cadangan menaiktaraf kawasan mereka melalui sumber kewangan mereka sendiri.
20. DBKL sentiasa mengamalkan keterbukaan dalam menerima aduan daripada warga kota bagi memperbaiki mutu perkhidmatan. Oleh itu, DBKL memperkenalkan *tagline* **#PeopleMakeKL** dalam setiap *posting* di media sosial dan akan menghebahkan *tagline* ini kepada warga kota.
21. Secara keseluruhannya, Bajet DBKL 2020 adalah merupakan **belanjawan seimbang** dimana Anggaran Hasil DBKL dijangka dapat menampung perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pembiayaan DBKL yang berjumlah **RM 2.523 bilion**.